



LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Keperluan Peribadi – Untuk Pelajar

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Keperluan Peribadi – Untuk Pelajar. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk insurans ini?

Produk ini akan membayar pampasan kepada pelajar anda bagi kecederaan anggota yang disebabkan oleh kejadian-kejadian yang tidak disengajakan dan yang denganya semata-mata dan secara bebas daripada sebarang sebab lain mengakibatkan kematian mereka atau hilang upaya atau yang memerlukan mereka mendapat rawatan perubatan dan/atau pembedahan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

- Manfaat 1** Kematian Akibat Kemalangan
Indemniti Berganda ketika dalam perjalanan sebagai penumpang berbayar tambang di dalam Pengangkutan Awam dari tempat kediaman ke sekolah atau sebaliknya untuk mengikuti pelajaran di sekolah dan/atau aktiviti-aktiviti rasmi sekolah.
Perbelanjaan Pengebumian
- Manfaat 2** Kehilangan Upaya Kekal dan Kehilangan Anggota Badan
- Manfaat 3** Perbelanjaan Perubatan
- Manfaat 4** Manfaat Hospital
a) Elaun Tunai Hospital Harian
b) Perbelanjaan Perjalanan
- Manfaat 5** Manfaat Penculikan
Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan diculik dan mengalami kecederaan anggota yang boleh dibayar di bawah Manfaat 1 atau Manfaat 2, Kami akan membayar kepada Ibu Bapa Orang Yang Diinsuranskan tambahan RM20,000, dengan syarat terdapat pengesahan daripada pihak polis bahawa Orang Yang Diinsuranskan diculik.

Tempoh perlindungan ialah 1 tahun. Insurans ini boleh diperbaharui setiap tahun.

Perlindungan adalah 24 jam. Had wilayah: Malaysia, Singapura dan Brunei.

Nota: Sila rujuk kepada Jadual Manfaat bagi Kematian Akibat Kemalangan dan Kehilangan Upaya Kekal dan Kehilangan Anggota Badan di dalam Polisi.

3. Berapa banyak premium perlu saya bayar?

Terdapat 3 pelan yang tersedia, premium yang dikenakan akan bergantung kepada pelan yang dibeli. Sila rujuk brosur untuk premium yang dikenakan bagi setiap pelan.

4. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj-caj yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	25% daripada premium

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang harus saya ketahui?

Had umur

Berumur 4 tahun hingga 18 tahun.

Kepentingan Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Pampasan / Tanggung Rugi

- Kami akan membayar pampasan kematian akibat kemalangan atau kecederaan anggota (Hilang Upaya Kekal & Putus Anggota Badan) menurut "Jadual Manfaat" yang dilampirkan bersama polisi. Walau bagaimanapun untuk tuntutan seperti perbelanjaan perubatan, pelajar anda diberikan pampasan atas dasar bayaran balik jumlah sebenar yang bertanggung tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam polisi.

Waranti Premium

- Premium yang perlu dibayar mesti dibayar kepada Kami dan diterima oleh Kami dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh permulaan, pengesahan/pembaharuan/pensijilan polisi ini.
- Kegagalan membayar premium dalam tempoh yang ditetapkan, menyebabkan kontrak secara automatik terbatal dan kami berhak terhadap premium pro-rata bagi tempoh anda berisiko.

Prosedur Tuntutan

- Apabila membuat tuntutan, anda atau ibu bapa pelajar diinsuranskan harus memberikan kami notis bertulis dalam tempoh 14 hari selepas pelajar diinsuranskan mengalami kecederaan anggota badan. Dalam kes kematian pelajar diinsuranskan akibat kemalangan, anda atau benefisiari hendaklah memberikan notis yang munasabah kepada kami sebelum pengebumian atau pembakaran mayat.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh:

- Risiko Perang dan berkaitan;
- Bunuh diri atau sebarang percubaan sedemikian;
- AIDS;
- Melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi lain daripadanya;
- Perbuatan Jenayah;
- Mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti atau sukan berbahaya;
- Kemalangan radioaktif dan kemalangan bahan senjata nuklear;
- Keganasan;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal, sebarang jenis sawan, sakit, atau penyakit yang sedia wujud.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada contoh polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda atau ibu bapa pelajar diinsuranskan boleh membatalkan polisi dengan memberikan kami notis bertulis. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium mengikut *Jadual Tempoh Pendek (seperti di bawah) bagi tempoh polisi tersebut yang telah berkuatkuasa dan kami akan membayar balik kepada anda bahagian yang belum tamat tempoh polisi. Tiada bayaran balik premium dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi ini. Sebarang premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak dikembalikan.

*Jadual Tempoh Pendek

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
15 hari	90% (terpakai untuk pembaharuan sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

8. Bilakah boleh saya jangka menerima polisi saya?

Anda seharusnya menerima sijil insurans pelajar anda dalam tempoh dua minggu daripada tarikh mengemukakan dokumen-dokumen penuh kepada kami.

9. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan kepada maklumat perhubungan/peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan / profil kehidupan anda termasuk penamaan, pekerjaan dan kegiatan peribadi, yang mungkin mempengaruhi profil risiko anda.

10. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Bebas : 1 800 88 6333
E-mel : customer@amassurance.com.my
Laman Web : www.amassurance.com.my

11. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang Ada

Sila rujuk cawangan kami yang berdekatan anda serta ejen-ejen untuk maklumat lanjut.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 01/01/2022 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.